



## **KENYATAAN/SIARAN AKHBAR**

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel negatif berjudul 'Sampah Ancam Kesihatan' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 10 Jun 2010.

Dimaklumkan bahawa pengurusan Pangsapuri Putra Harmoni bukan di bawah bidang kuasa PPj. Sebaliknya ia adalah di bawah bidangkuasa Badan Pengurusan Bersama pangsapuri berkenaan. Sementara itu, kutipan sampah di rumah sampah pula adalah di bawah skop Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB).

Siasatan PPj mendapati bahawa timbunan sampah sarap yang dilaporkan telah dibersihkan oleh AFSB. Namun ingin ditegaskan bahawa sampah kebun dan perabut lama seperti tilam dan sebagainya tidak sepatutnya dibuang di rumah sampah ini yang sepatutnya menerima sampah domestik sahaja. Ini menyebabkan tong sampah yang disediakan tidak dapat menampung sampah domestik kerana dipenuhi oleh sampah-sampah yang tidak sepatutnya dibuang di situ.

Merujuk kepada isu tong sampah yang diletakkan di luar rumah sampah, pihak AFSB terpaksa berbuat demikian kerana terdapat segelintir penduduk yang seringkali meletakkan kenderaan mereka di laluan masuk ke rumah sampah ini dan menghalang laluan lori AFSB. Di samping itu, pemerhatian oleh pihak AFSB mendapati bahawa apabila tong sampah di letakkan di dalam rumah sampah, lebih banyak penduduk yang membuang sampah di luar tong sampah tersebut.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Apartment tersebut, masalah yang berlaku ini adalah berpunca daripada sikap segelintir penduduk Pangsapuri Putra Harmoni yang tidak prihatin terhadap aspek kebersihan. Walaupun sering diperingatkan dan dinasihati oleh JK Penduduk, amalan tersebut masih berterusan. Pihak PPj tidak boleh mengenakan tindakan undang-undang ke atas mereka ini kerana kawasan tersebut merupakan kawasan persendirian dan bukan kawasan awam.

Sehubungan itu, penghuni Pangsapuri Putra Harmoni adalah dimohon untuk memberikan kerjasama dengan tidak meletakkan kenderaan di laluan lori sampah dan membuang hanya buangan domestik ke dalam tong sampah dan seterusnya membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 17 Jun 2010

Akhbar : Berita Harian  
Segmen : Sentral  
M/s : 7  
Tarikh : 10 Jun 2010

Oleh Samadi Ahmad  
shree@berita.com.my

# Sampahancam kesihatan

Penghuni blok A2 Pangsapuri Putra Harmoni minta PBT bertindak

**P**UTRAJAYA: Tindakan kontraktor pemungut sampah meletakkan tong sampah di pekarangan bangsal sampah di blok A2 Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9 di sini mengundang pelbagai masalah kepada penduduk setempat, termasuk ancaman dari segi kesihatan dan membahayakan keselamatan diri.

Selain menyakitkan mata memandang, timbunan sampah sarap yang mencemar persekitaran seperti perabot lama, sisa makanan, papan dan kaca berselerakan atau bertimbun di beberapa kawasan di pekarangan bangsal berkenaan dikhawatiri membahayakan kanak-kanak di kawasan perumahan itu.

Penduduk pangsapuri itu juga hairan kenapa pihak bertanggungjawab tidak meletakkan tong sampah terbahit di tempat sepatutnya bagi mengelakkan masalah itu berterusan tetapi sebaliknya, bangsal itu bageikan perhiasan saja kerana ramai yang membuang sampah di luar bangsal, sekali gus mengotori kawasan perumahan itu.

Longgokan sampah yang kebanyakannya dipenuhi dengan sampah pukal, tin dan botol kosong itu turut menimbulkan kebimbangan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes atau sarang binatang berbisa lain.

Tinjauan *Sentral* mendapati jumlah tong sampah juga sangat terhad sehingga membuatkan penduduk tiada pilihan, selain meletakkan sampah sarap di luar tong sampah sedia ada.



**TINDAKAN** kontraktor pemungut sampah meletakkan tong sampah di pekarangan bangsal sampah di blok A2 Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9 mengundang pelbagai masalah kepada penduduk setempat, termasuk ancaman dari segi kesihatan dan membahayakan keselamatan diri.

Keadaan itu menyebabkan penduduk terpaksa mengharungi busuk yang meloyakan daripada sisa makanan dan perut ayam yang dibuang penduduk setempat, lebih-lebih lagi apabila hujan lebat.

Lebih mengecewakan, ada pula longgokan sampah pukal seperti kayu, dahan pokok,

tilam dan perabot lama yang dibuat di kawasan terbabit oleh orang luar serta dibiarkan begitu saja oleh kontraktor pemungut sampah terbabit tanpa dialihkan ke tempat sepatutnya.

Seorang pekerja pemberisihan di kawasan itu, Jamal Hussain, 36, berkata masalah

sampah itu membebankan dirinya kerana setiap hari terpaksa mengutip sampah bertaburan ditinggalkan penduduk sekitar.

Katanya, penduduk tidak sepatutnya membuang sampah sesuka hati dan perlu memikirkan kepentingan alam sekitar dan kehidupan

orang lain yang menerima akibat daripada tindakan itu.

Penduduk setempat, Abd Wahid Rahman, 35, berkata beliau amat berharap tong sampah itu dapat dialihkan segera ke tempat sepatutnya kerana lokasi sedia ada terlalu hampir dengan rumah penduduk serta tidak sesuai.